

21/10/1997

Mesyuarat CHOGM dijangka bincang spekulasi wang

Karim Sulaiman in London

LONDON, Isnin - Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di Edinburgh, Scotland, mulai Jumaat ini dijangka membincangkan keprihatinan Malaysia terhadap kegiatan spekulasi mata wang yang mengancam ekonomi sesebuah negara.

Setiausaha Agung Komanwel, Chief Emeka Anyaoku, berkata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sudah banyak memperkatakan mengenai perkara berkenaan dan kebimbangan itu perlu dikongsi bersama negara Komanwel.

"Saya mahukan ahli-ahli Komanwel mencari cara untuk menghadapi spekulator (mata wang). Dr Mahathir prihatin terhadap perkara ini.

"Kita tidak dapat menafikan pembangunan pesat negara membangun dan tiba-tiba pasarannya jatuh sehingga 20 peratus berikutan kegiatan spekulasi.

"Saya berharap ketua-ketua kerajaan Komanwel di CHOGM akan membincangkan kajian bagaimana hendak memelihara kemakmuran negara membangun," katanya.

Mesyuarat Menteri-Menteri Kewangan Komanwel baru-baru ini bersetuju mengadakan satu kajian bagi memelihara kekayaan dan kemakmuran negara dalam pertubuhan itu berikutan krisis mata wang di Asia Tenggara.

Dr Mahathir sebelum ini sudah menyarankan beberapa langkah bagi mengatasi masalah itu, termasuk mencadangkan diperkenalkan peraturan bagi mengatasi perniagaan mata wang supaya urusannya lebih terbuka dan tiada lagi negara menjadi mangsa manipulasi.

Anyaoku berkata, perkara itu boleh dibincangkan kerana Komanwel dianggotai negara membangun dan sedang membangun.

Sehubungan itu, katanya, kajian itu akan mengambil kira semua ahli, termasuk negara membangun atau sedang membangun.

CHOGM 97 di Edinburgh yang bertemakan 'Perdagangan, Pelaburan dan Pembangunan: Jalan Ke Arah Kemakmuran Komanwel' berlangsung empat hari bermula Jumaat ini. Dr Mahathir adalah antara ketua negara yang akan menyampaikan ucap tama dalam mesyuarat dua tahun sekali itu.

Anyaoku turut mahukan Malaysia terus memainkan peranan aktif sebagai 'role model' dalam pembangunan ekonomi kepada negara Komanwel lain.

Menurutnya, Malaysia adalah negara yang aktif menjalankan kegiatan sesama negara Komanwel.

Katanya, tindakan itu perlu dicontohi negara Komanwel lain bagi memantapkan kedudukan perdagangan dan pelaburan negara dalam pertubuhan itu.

Mengenai tema perdagangan dan pelaburan dalam mesyuarat kali ini, Anyaoku berkata, perbincangan itu bukan mahu mewujudkan blok perdagangan Komanwel.

(END)